



TEKS UCAPAN

**YBhg. DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KOMUNITI KEJIRANAN MESRA
KAMPUNG KUDEI BARU
26 APRIL 2015 (AHAD)
PADANG TERBUKA KAMPUNG KUDEI BARU**

Bismillahirrahmanirrahim...

Terima kasih saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg

Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak

Yang Berusaha Puan Seniah binti Haji Sumbi
Pengerusi Kejiran Mesra Kampung Kudei Baru

Yang Berusaha Dr. Sufian Bin Haji Bujang
Pengarah Biro Tatanege Negeri Sarawak

Yang Berusaha Tuan Haji Mohammad Abdullah bin Zaidel
Pengerusi SABERKAS Satok

Yang Berusaha DSP Roselina Binti Daud
Pengerusi AMANITA Bahagian Kuching

Ketua Ketua Kaum

Ketua-Ketua Ranting PBB Cawangan Kampung Kudei Baru

Para Media serta

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia....

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya untuk menghadiri Majlis Penutupan Program Komuniti Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru pada petang ini.

Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Pengelola kerana di atas komitmen yang jitu dan padu dari tuan-tuan dan puan-puan sekalian, anda semua telah berjaya menganjurkan program ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya telah dimaklumkan bahawa, Program Komuniti Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru ini dianjurkan dengan tujuan utama adalah untuk memupuk semangat kekeluargaan dan silaturrahim di antara peserta dan juga keluarga masing-masing di samping menyemai semangat kerjasama di antara penduduk Kampung Kudei Baru ini dengan pelbagai jabatan, agensi dan juga pihak NGO yang terlibat dalam penganjuran pelbagai aktiviti sepanjang program ini berlangsung.

Selain itu, saya juga telah dimaklumkan Program Komuniti Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru ini juga dianjurkan dengan beberapa objektif utama iaitu untuk memdedahkan kepada penduduk Kampung Kudei Baru ini tentang pentingnya tanggungjawab untuk membantu sesama insan, menanam rasa penghargaan dan kesyukuran kepada masyarakat sekeliling di atas keamanan yang dinikmati di bumi Malaysia dan juga mengekalkan dan memelihara keharmonian dan semangat bersatu padu di antara masyarakat yang berbilang kaum.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada petang ini saya berasa sangat gembira melihat kehadiran ramai warga kampung di Padang Terbuka Kampung Kudei Baru ini. Ianya telah menunjukkan bahawa warga kampung ini sangat menyokong program sebegini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin memuji penglibatan serta komitmen yang telah ditunjukkan oleh warga kampung ini. Anda semua sangat aktif dalam penganjuran pelbagai aktiviti sepanjang tempoh dua hari ini. Sifat sebegini seharusnya dijadikan contoh oleh kampung-kampung lain di sekitar Bandaraya Kuching ini.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan semua, kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara sangat menyokong usaha dalam penganjuran program sebegini terutamanya apabila ianya turut melibatkan komuniti dan juga warga kota. Ini adalah kerana dengan adanya program sebegini, kami berpeluang untuk turut serta dan secara tidak langsung dalam pada masa yang sama kami juga dapat menghulurkan khidmat dan bantuan kami kepada warga kota di samping dapat merapatkan lagi hubungan silaturrahim di antara kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya difahamkan pelbagai aktiviti telah diadakan bermula pada hari semalam seperti aktiviti Senamrobik, *Health Walk*, Pemeran dan Jualan, Pertandingan Mewarna, Saringan Kesihatan, Sepak Takraw Remaja, Pertandingan Karaoke (Remaja dan 39 tahun ke bawah), Pertandingan Menganyam Ketupat dan juga Ceramah Remaja dan Ibu Bapa.

Pada hari ini pula, Program Berbasikal (*Fun Ride*), *Breast Cancer Awareness*, Pertandingan Masakan (Puding dan Ikan Tongkol), Pemeran dan Jualan dan juga Pertandingan Bina Badan Lelaki bawah 12 tahun telah diadakan bagi memeriahkan lagi penganjuran Program Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru pada tahun ini.

Saya percaya, penyertaan kepada aktiviti-aktiviti seperti yang saya nyatakan sebentar tadi telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk Kampung Kudei Baru ini. Sokongan padu sebeginilah yang kita mahukan dan ini menunjukkan bahawa, warga Kampung Kudei Baru sangat menyokong penganjuran program seperti ini.

Oleh itu, pada kesempatan ini saya sarankan kepada Jawatankuasa Pengelola Program Komuniti Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru untuk meneruskan usaha penganjuran program ini pada tahun hadapan. Pada pendapat saya, usaha sebegini adalah penting kerana dengan adanya penganjuran program dan pelbagai aktiviti yang sihat sebegini kita dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan penduduk kampung, dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan dan juga menjadi platform terbaik untuk merapatkan hubungan di antara pemimpin dengan masyarakat.

Sebelum mengundur diri saya berharap, Program Komuniti Kejiranan Mesra kampung Kudei Baru ini dapat dianjurkan lagi pada tahun hadapan dengan penganjuran aktiviti yang lebih banyak penglibatan warga kota yang lebih ramai.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan dalam menjayakan Program Komuniti Kejiranan Mesra Kampung Kudei Baru pada petang ini. Diharap kita dapat bersua dan bekerjasama lagi pada masa yang akan datang.

Sekian.....

Saya sudahi ucapan saya dengan.....

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....